

Sekolah kena banjir sejak 1963

2,000 warga STAR redah air paras lutut selepas air melimpah masuk kelas

Oleh Norrasyidah Arshad
bhnews@bharian.com.my

● OSMAN ADNAN | BERITA HARIAN

KLANG: Hampir 2,000 warga sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Ampuan Rahimah (STAR) di sini, semalam meneruskan rutin harian persekolahan walaupun terpaksa meredah banjir kilat separas lutut.

Pengetuannya, Rahmah Arsad, berkata hujan lebat selama kira-kira 30 minit bermula jam 8.30 pagi menyebabkan air naik dengan cepat sebelum melimpah masuk ke kelas di tingkat bawah bangunan sekolah.

Bagaimanapun, katanya, sesi pembelajaran tetap diteruskan seperti biasa berikutan kejadian itu bukan kali pertama, malah warga sekolah sudah lali dengan banjir kilat setiap kali hujan lebat.

“Masalah ini dibincangkan hampir setiap tahun tetapi ia masih belum dapat diselesaikan. Ia bukan saja dibincangkan pada Mesyuarat Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), malah Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Jabatan Pelajaran Negeri Selangor (JPNS) dan Majlis Perbandaran Klang (MPK),” katanya ketika ditemui di sekolah itu.

Timbalan Pengarah Pelajaran Selangor, Mahmud Karim turut meninjau keadaan sekolah berikutan banjir itu.

Penolong Kanan Pentadbiran STAR, Raja Rozita Raja Hanafi, berkata sekolah itu berdepan masalah banjir sejak dibuka pada 1963.

Katanya, kedudukan sekolah di kawasan lembah dan dikelilingi jalan raya lebih tinggi menyebabkan sekolah berkenaan menjadi tempat



PELAJAR mengharungi banjir selepas SMK Tengku Ampuan Rahimah, Klang dilanda banjir kilat, semalam.

takungan air.

“Sekolah ini juga dilanda banjir kilat semalam (kelmarin) sebelum surut dalam masa dua jam tetapi hari ini (semalam) keadaan lebih teruk. Kami bimbang kerana haiwan berbisa seperti ular pernah ditemui ketika banjir kilat,” katanya.

Raja Rozita berkata, sekolah sentiasa bersedia menghadapi keadaan itu setiap kali musim hujan terutama ketika peperiksaan besar berlangsung.

Katanya, pelajar yang menghadapi peperiksaan Sijil Pelajaran

Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) akan ditempatkan di dewan atas bagi mengelak berlaku sebarang masalah.

Pelajar, R Veeshnu, 16, berkata dia sentiasa membawa selipar setiap kali musim hujan bagi mengelak kasut sekolah basah.

Katanya, banjir yang berlaku tidak mematahkan semangat pelajar meneruskan sesi pembelajaran; malah ia dianggap satu cabaran untuk berjaya.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Komunikasi dan Pengaduan Awam (JKPA) MPK, Norfiza Mahfiz ketika

dihubungi berkata, MPK sedia maklum dengan apa yang berlaku dan akan mengambil tindakan segera bagi menanganinya.

Katanya, MPK akan mengadakan kerjasama dengan agensi lain termasuk Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Selangor dan Jabatan Kerja Raya (JKR) untuk mencari jalan terbaik berhubung isu banjir itu.

Norfiza meminta orang ramai segera menghubungi talian 1800 88 23826, 03-33714404 atau menghantar SMS ke 012-2303781 jika berlaku banjir di kawasan mereka.